

Mahkamah

Jenayah

KOLUMNIS



CUT

ZAINI HASSAN



SELAK

HASSAN MOHD NOOR

GAYA HIDUP

Agama

Keluarga

Hiburan

Rancangan TV

Feminin

Pendidikan

Sains & Teknologi

Agrobiz

Kesihatan

S3

Polis & Tentera

Sastera

ARTIKEL

TIMUR

SHARE

Tiada kompromi pengusaha bot pelancong langgar syarat

Klik

BESUT 29 April - Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pengusaha bot pelancong yang melanggar syarat operasi hingga mengancam keselamatan penumpangnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, pengusaha yang hanya berminat untuk mengaut keuntungan tanpa memberi perhatian serius terhadap penjagaan keselamatan penumpang akan dikenakan tindakan sewajarnya.

Dalam banyak insiden kemalangan yang membabitkan pelancong tempatan dan pelancong asing yang menggunakan khidmat bot pelancong, beliau berkata, faktor kecuaiian dan sikap sambil lewa pengusaha itu sendiri dalam mengendalikan perkhidmatan bot-bot pelancong mereka.

"Kerajaan amat serius kerana industri pelancong membawa hasil yang baik kepada negara, oleh itu imej Malaysia perlu dijaga," katanya kepada media ketika mengadakan lawatan bagi meninjau infrastruktur jeti pelancongan di Kuala Besut hari ini. Turut hadir Pengarah Jabatan Laut Wilayah Timur, Rossid Musa.

Abdul Rahim berkata, pertumbuhan ekonomi untuk pelancongan kini berada pada tahap memberangsangkan dan kerana itu ia patut diuruskan dengan baik.

Sebagai contoh di jeti penumpang Kuala Besut sahaja kutipan hasil tahun lepas meningkat 17 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah keseluruhan hasil sebanyak RM88,816.18 berbanding RM75,750.65.

"Ini adalah berikutan peningkatan jumlah kemasukan kapal dan bot di jeti berkenaan bertambah daripada 746 buah pada 2009 kepada 10,379 buah pada tahun 2010," katanya.

Abdul Rahim menasihatkan pihak penguatkuasaan terutamanya Jabatan Laut supaya mempertingkatkan pemeriksaan dan pemantauan mengejut dalam memastikan setiap operator bot pelancongan mematuhi piawaiian.

Beliau meminta pengusaha bot pelancongan supaya menaik taraf bot-bot mereka agar sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa.

Katanya, kementerian akan mempertingkatkan infrastruktur di setiap jeti-jeti bot pelancongan di seluruh negara bagi memastikan bot-bot pelancong dapat beroperasi dengan baik. — BERNAMA

